

2 tahun ‘menyepi’ tetap jaya tunjuk taring

KEMBALI TUNJUK TARING: Farhan ialah antara tiga pesilat negara yang sudah mendapat sokongan Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNO) untuk bertanding di Sukan SEA Hanoi Mei ini.

SELEPAS dua tahun “menyepi” daripada beraksi di gelanggang akibat pandemik Covid-19, juara dunia tiga kali Sheik Farhan Sheik Alauddin gembira akhirnya dapat menunjukkan taring.

Malah, pesilat negara berusia 24 tahun itu tidak kekok berdepan lawan sukar sepanjang Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara hujung minggu lalu lantas berjaya dinobat juara dalam acara tanding putera J (90-95 kilogram) senior.

Farhan mengalahkan musuh ketat dari Vietnam Nguyen Van Tri 20-17 dalam final Ahad lalu untuk meraih pingat pertamanya sejak Disember 2019.

Kali terakhir pesilat Singapura ber-

tanding adalah di Kejohanan Pencak Silat Asia 2019 di Yanji, China.

“Saya sudah lama menantikan saat ini. Jadi, saya rasa gembira dapat kembali bersaing sejak pertandingan terakhir pada 2019,” kongsinya.

Dalam sukan yang beliau sudah terbiasa sejak usia kecil, Farhan tetap perlu menyesuaikan diri dengan perubahan pada peraturan dalam kategori tanding, yang diluluskan tahun lalu, dan dilaksanakan buat kali pertama di edisi kelapan Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara.

Peraturan itu memberi kelonggaran kepada pesaing ketika menarik pakaian lawan sambil mereka cuba melepaskan tumbukan atau tendangan demi meraih mata.

Bagi Farhan, peraturan baru itu bukan satu masalah besar.

“Saya boleh katakan, peraturan baru, (tapi) permainan sama,” katanya.

Tarikan seperti ini sentiasa berlaku dalam perlawanan, cuma ia tidak mempunyai banyak makna (pada masa dahulu).

“Perbezaannya sekarang adalah saya rasa anda harus menjadi lebih berhati-hati,” ujarnya.

Farhan ialah antara tiga pesilat negara yang sudah mendapat sokongan Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNO) untuk bertanding di Sukan SEA Hanoi Mei ini.

Ditanya jika kejuaraan Ahad lalu melegakan sedikit tekanan di bahunya dengan kira-kira dua bulan sebelum ke Hanoi, pemenang pingat emas Sukan SEA 2017 itu menambah:

“Kemenangan pastinya mengurangkan tekanan itu. Tapi, tiada siapa yang boleh memberi tekanan kepada saya seperti yang saya lakukan pada diri saya sendiri.

“Tidak kira apa keputusannya malam ini, saya sebenarnya mahu perlawanan ini menjadi percubaan dan batu loncatan untuk Sukan SEA.”

Pakar Membaki / Tukar Beli / Renovation / Custom Made Furniture

- brother • JUKI • SINGER • JANOME • Dealing Industrial Sewing Machine BAYARAN BULANAN DISILAKAN
- \$345++ SINGER/brother
- \$195++ Mesin Tradisional Kotak Motor
- Washing Machine from \$298
- Water Heater dari \$89
- Ceiling Fan dari \$95
- Dapur Gas dari \$299
- Lampu-lampu dari \$18
- LED Down Light
- Kerja Mengelat Gate Door, Wooden Door Toilet Closet Window Grille Bi-Fold

Tel: 6242 8060 8112 1038 SENG LENG TV & SEWING MACHINE CO. Blk 11, Chai Chee Rd #01-27 (Dekat Masjid Al.Ansar)

C M Y K

Diterbitkan dan dicetak oleh SPH Media Limited. Co. Regn. No. 202120748H.

Raih pingat emas di gelanggang antarabangsa pertama



TENANG TAPI MENYENGAT: Nadhrah (kanan) ketika beraksi dalam final acara tanding puteri A (45-50 kilogram) senior di Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara Ahad lalu. — Foto-foto BH oleh ARIFFIN JAMAR

MENONTON persembahan pesilat negara Nadhrah Sahrin Ahad lalu, tidak hairan jika seseorang mempunyai anggapan bahawa beliau seakan sudah biasa bersaing di pentas besar.

Remaja berusia 17 tahun itu kekal tenang namun tetap lincah mengorak langkah seterusnya untuk menyerang.

Ini walaupun seringkali diberi tantangan hebat oleh lawannya dari Malaysia, Nor Farah Mazlan, yang lebih berpengalaman.

Usaha mantap Nadhrah berjaya menghasilkan kemenangan 21-10 dalam final acara tanding puteri A (45-50 kilogram) senior sekali gus memberikan beliau pingat emas pertamanya dalam kejohanan serantau.

Alangkah mengejutkan apabila ditemui di Dewan Satu OCBC Arena selepas kejuaraan itu, Nadhrah mendedahkan bahawa Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara hujung minggu lalu merupakan gelanggang antarabangsa sulung beliau.

“Saya rasa sangat gementar sebab... ramai orang yang menonton.

“La kali pertama saya bertanding dalam final sebelum ini dan saya sebenarnya tidak dapat mengawal fikiran dan perasaan saya untuk fokus pada perlawanan.

“Mereka yang mengenali saya tahu saya tidak menunjukkan emosi di muka tapi sebenarnya, banyak

perkara yang bermain dalam fikiran saya,” kata pelajar tahun pertama Diploma dalam Perniagaan di Politeknik Republic itu.

Meskipun masih setahun jagung dalam arena antarabangsa, Nadhrah menunjukkan kematangan dalam gelanggang.

“Saya tidak boleh membiarkan perasaan gementar mengawal diri saya,” kongsikan beliau sambil meneckankan pentingnya untuk kekal tenang ketika bertanding.

Nadhrah, yang juga pernah bergiat dalam sukan tae kwan do di sekolah rendah sebelum beralih kepada silat pada usia sembilan tahun, mahu terus memperbaiki persembahan terutama corak permainannya.

Dengan kemenangan Ahad lalu, beliau kini menanti peluang untuk disertakan dalam skuad Singapura yang akan bertanding di Sukan SEA Mei ini.

Ditanya apakah harapan beliau sekiranya diberikan “lampaui hijau” bersaing di pentas lebih besar seperti temasya sukan serantau itu, Nadhrah berkata:

“Meletakkan tekanan pada diri sendiri bukan sesuatu yang saya amalkan.

“Jika saya berikan yang terbaik saya, saya tidak akan kecewa tentang keputusannya.

“Tapi, kalau boleh, saya sasar menang pingat emas.”